



## جابتن مفتي نكري فہغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

### Soalan :

Assalamualaikum,

Saya nak bertanya. Adakah boleh isteri yang dalam iddah kematian suami berpindah duduk di rumah anak sekiranya tiada yang temankan ibu di rumah asal dimana ibu dulu tinggal bersama suami?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

### Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ berserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudari, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Kami mulakan dengan memaparkan nas al-Quran dan Hadis Rasulullah ﷺ. Kemudian diiringi pandangan ulama-ulama fiqh dalam mazhab asy-Syafie dan panduan beriddah bagi isteri bercerai atau kematian suami yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Dalam surah al-Baqarah ayat 234, Allah ﷻ telah berfirman :

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا

جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Bermaksud : *Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beriddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa iddahnya itu maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh Syarak). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.*

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Habibah رضي الله عنها:

"لَا يَجِلُّ لِامْرَأَةٍ مُسْلِمَةٍ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تُجِدَّ فَوْقَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ، إِلَّا عَلَى زَوْجِهَا أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا"

**Maksudnya:** *Tidak halal bagi perempuan yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat berkabung di atas kematian seseorang melebihi tiga hari melainkan apabila kematian suaminya. Dia hendaklah berkabung selama empat bulan dan sepuluh hari.* (Riwayat: al-Bukhari (5339))

Lagi hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Jabir رضي الله عنه dengan menyatakan **keharusan** keluar rumah kerana keperluan seperti mana hadis di bawah :

"طَلَّقْتُ خَالَتِي فَأَزَادَتْ أَنْ تُجِدَّ نَخْلَهَا فَزَجَرَهَا رَجُلٌ أَنْ تَخْرُجَ فَأَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: بَلَى فَجِدِّي نَخْلِكَ فَإِنَّكَ عَسَى أَنْ تَصَدَّقِي أَوْ تَفْعَلِي مَعْرُوفًا "

**Maksudnya:** *"Ibu saudaraku telah diceraikan dan dia ingin memetik buah tamarnya, tetapi seorang lelaki telah menegahkannya keluar. Lalu, dia pergi menemui Nabi SAW. Lantas Baginda bersabda: "Ya, keluarlah dan petiklah buah tamar itu. Mudah-mudahan engkau akan bersedekah ataupun melakukan kebaikan." (Riwayat: Muslim (1483))*

Sabda Nabi ﷺ kepada Furay'ah binti Malik bin Sinan yang telah bertemu Nabi ﷺ bertanyakan adakah boleh bagi dirinya untuk pulang ke pangkuan ahli keluarganya, Bani Khudrah kerana telah kematian suaminya. Lalu jawab Baginda SAW:

"امْكُثِي فِي بَيْتِكَ حَتَّى يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجَلَهُ"

Maksudnya: *Tetaplah kamu di rumahmu sehingga sampai apa yang telah ditetapkan.*

Riwayat Abu Daud (2300) & Al-Tirmizi (1204)

Dr Mustafa al-Khin, Dr Mustafa al-Bugha dan Dr Ali al-Syarbaji dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji* nya (Lihat : 3/71-73) telah menyatakan bahawa :

*“Wajib menetap di rumah yang didudukinya selama tempoh ‘iddah. Isteri juga tidak dibenarkan keluar melainkan sekiranya ada keperluan dan hajat. Ini seperti membeli keperluan makanan, bekerja sekiranya tidak membenarkannya untuk tinggal di rumahnya secara berterusan sepanjang tempoh ‘iddahnya dan isteri terpaksa menghilangkan kesunyian dengan berbual-bual bersama jiran.”*

Al-Imam al-Khattabi Rahimahullah menyatakan dalam *Ma’alim al-Sunan*, Al-Matba’ah al-‘Ilmiyyah (Lihat , 3/287) bahawa ; *“bagi perempuan yang kematian suaminya, perlulah ber’iddah di rumah suaminya dan tidak boleh untuk keluar dari rumah tersebut melainkan dalam keadaan darurat serta hajat dan itulah pendapat al-Imam Malik, al-Thauri, al-Syafi’e, Ahmad dan Muhammad bin al-Hasan Rahimahumullah.”*

Imam Ramli dalam *Nihayah al-Muhtaj* (Lihat : 7/156) di dalam kitabnya menyatakan ; *“keharusan ini terikat dengan satu syarat iaitu hendaklah wanita ber’iddah hanya keluar pada waktu siang dan mesti balik bermalam di rumah tempat ‘iddahnya. ”*

JAKIM telah membuat satu garis panduan bagi menetapkan beberapa batasan hukum semasa dalam tempoh `iddah kematian suami.

1. Bagi wanita yang ber`iddah kerana kematian suami Islam telah menggariskan cara-cara tertentu sepanjangmereka berada dalam tempoh tersebut. Antara perkara-perkara yang mesti dipatuhi oleh mereka ialah:
  - a) Haram menerima pinangan lelaki *ajnabi*.
  - b) Haram berkahwin dengan lelaki *ajnabi*. Jika perkahwinan dilangsungkan juga semasa dalam tempoh tersebut pernikahan itu adalah tidak sah dan pasangan tersebut wajib dipisahkan.

- c) Tidak dibenarkan keluar rumah termasuk untuk bermusafir kecuali dalam had dan batas yang diperlukan sahaja. Antara keperluan penting yang membolehkan keluar rumah ialah untuk bekerja mendapatkan rawatan perubatan membeli barang-barang keperluan asasi (sekiranya tidak ada ahli keluarga atau orang lain yang amanah boleh melakukannya) dan keperluan-keperluan lain yang penting dan mendesak dengan syarat mereka dapat menjaga peraturan dan adab-adab seperti yang disyariatkan Islam. Keharusan untuk keluar rumah ini juga hanya tertakluk pada waktu siang dan tidak pada waktu malam. Namun pengecualian diberikan kepada individu yang tidak mempunyai pilihan dan perlu bekerja pada waktu malam seperti doktor jururawat dan sebagainya. Bagi larangan bermusafir ia termasuk larangan untuk menunaikan ibadat fardu haji dan umrah.
- d) Berpindah atau tinggal di rumah lain yang bukan menjadi kebiasaannya tinggal sepanjang tempoh perkahwinan. Namun sekiranya terdapat bahaya dan kemudaratannya yang boleh mengancam keselamatan nyawa dan harta benda seperti banjir tanah runtuh gempa bumi dan sebagainya mereka dibolehkan keluar dan meninggalkan rumah tersebut sehinggalah bahaya atau kemudaratannya hilang atau dapat diatasi.
- e) Wajib berkabung sepanjang tempoh `iddah. Oleh itu sepanjang dalam tempoh tersebut mereka wajib meninggalkan semua perkara yang mempunyai unsur-unsur berhias sama ada pada pakaian atau tubuh badan. Termasuk dalam larangan berhias ini ialah:
- i. Memakai pakaian berwarna terang atau berwarna-warni yang boleh menarik perhatian orang yang memandangi;
  - ii. Memakai barang-barang kemas walaupun sebetuk cincin gelang rantai dan barang-barang perhiasan lain yang diperbuat daripada emas perak dan permata;
  - iii. Memakai wangi-wangian pada anggota badan rambut dan pakaian; dan
  - iv. Bersolek memakai celak berinai dan memakai minyak rambut serta perbuatan-perbuatan lain yang dianggap sebagai berhias pada pandangan masyarakat setempat.
2. Perintah berkabung ini hanya dikhususkan kepada suruhan meninggalkan hiasan tubuh badan dan pakaian sahaja tidak termasuk hiasan tempat tinggal bilik tidur dan sebagainya.
3. Justeru walaupun wanita berkabung dilarang daripada berhias ini tidak bermakna mereka perlu mengabaikan aspek kebersihan dan kesihatan diri serta ahli keluarga. Malah mereka

wajib menjaga kebersihan dan kekemasan diri pakaian dan tempat tinggal sepanjang tempoh `iddah dan berkabung itu.

Maka berasaskan keterangan-keterangan diatas, kami berpandangan ibu puan **haram** meninggalkan tempat tinggal asal (tempat tinggal semasa hidup dengan arwah suami), kecuali jika ibu puan tiada siapa yang menjaganya disana, dibimbangi berlaku kemudharatan atau sakit dan sebagainya, maka **diharuskan** tinggal bersama dengan anaknya **dengan syarat** sentiasa mematuhi segala ketetapan-ketetapan syarak seperti panduan JAKIM diatas.

Rujukan :

- 1) Al-Quran dan terjemahannya.
- 2) <https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/479-garis-panduan-ber-iddah-bagi-wanita-yang-bercerai-atau-kematian-suami> (JAKIM)
- 3) Nihayah al-Muhtaj, Imam Ramli.
- 4) kitab al-Fiqh al-Manhaji, Dr Mustafa al-Khin, Dr Mustafa al-Bugha dan Dr Ali al-Syarbaji.
- 5) Ma'alim al-Sunan, Al-Matba'ah al-'Ilmiyyah Al-Imam al-Khattabi.